

MPP baru UMP janji beri khidmat terbaik

KUANTAN - Majlis Penyerahan Wafatiah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2007/08 telah diadakan di Bilik Mesyuarat Senat, Kompleks Pentadbiran Utama, Universiti Malaysia Pahang (UMP), semalam.

Menurut Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela, seramai 15 orang ahli MPP baru yang dipilih melalui pilihan raya MPP pada 2 Oktober lalu.

"Saya harap dengan pelantikan MPP baru ini dapat memberikan kebaikan kepada semua pelajar UMP

dan mereka akan menjalankan tugas yang diamanahkan dengan baik.

"MPP merupakan wakil pelajar jadi semua suara pelajar perlu didengar dan diselesaikan segera kerana itu tanggungjawab MPP," katanya ketika berucap dalam majlis tersebut.

Mohamed Said menambah, MPP perlu menunjukkan kepekaan dan kematangan supaya pelajar UMP berasa yakin dengan tampuk baru MPP.

"Saya dan pengurusan UMP harap MPP 07/08 menunjukkan kematangan dan menjalankan tanggung-

jawab dengan penuh dedikasi. Jalankan amanah yang diberikan kerana nama baik UMP terletak pada MPP," tambahnya.

Yang Dipertua MPP, Salman Razeni berkata barisan MPP baru yang diterajuiinya berjanji untuk mengekalkan keharmonian dalam kampus.

"Kami akan mengekalkan keharmonian dan permuafakatan di kalangan pelajar UMP. Kami akan tunjukkan kebolehan kami dalam memimpin pelajar UMP dan mengekalkan kepercayaan yang diberikan.

"Tugas utama kami se-

bagai MPP adalah menjaga kebaikan pelajar dan sudah pasti kami akan menjaga kebajikan mereka. MPP berharap mendapat bimbingan dan tunjuk ajar dari pihak pengurusan universiti dan MPP lama," katanya dalam ucapan tersebut.

Salman mengharapkan barisan MPP baru akan menjalankan tugas sebaik mungkin dan ikhlas.

"Saya harap MPP baru menjalankan tugas yang di amanahkan dengan baik dan ikhlas dan dapat menjaga nama baik UMP," ujarnya lagi.

Smar Hanan (kuantan)
Rabu 10/10/07
DE: P3

SUMBER: 10/10/2007
TARIKH: P Hanan
MUKA SURAT: 1